

Jangan tanggung atas kejayaan orang lain — Mahathir

UM 4 NOV 1985

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru para pengurus supaya jangan menanggung di atas kejayaan orang lain tetapi hendaklah berusaha memperbaiki cara pengurusan yang lebih baik secara berterusan.

Perdana Menteri berkata bidang pengurusan mempunyai saingan hebat yang tidak ada batasnya, oleh itu para pengurus hendaklah terus mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan mereka.

Berucap di pembukaan Kongres Pengurusan Sedunia ke-20 di Hotel Shangri-La di sini malam ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa kejayaan yang dicapai melalui usaha yang berterusan akan membawa hasil yang besar.

Beliau menarik perhatian bahawa para pengurus, tidak kira apa gelaran diberikan adalah orang yang paling tinggi dibayar di seluruh dunia.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, kekayaan material bukan merupakan anugerah yang tertinggi jika di-

bandingkan dengan pencapaian terbaik yang tidak ada tolok bandingnya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyetujui pendapat beberapa orang ahli sarjana dan pemerhati yang menyatakan bahawa ketika seluruh dunia mengalami kemelesetan, sebarang pencapaian terbaik dalam bidang pengurusan semakin sukar dan tidak mudah dicapai.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, suasana per-

niagaan sekarang semakin hari semakin dicorak dengan persaingan ketat dalam negeri dan dunia, ketidaktentuan ekonomi, penemuan - penemuan teknologi yang semakin pantas, keadaan pasaran yang tidak menentu, perubahan - perubahan sikap konsumer dan seruan - seruan berbelah bagi antara perdagangan liberal dan perlindungan.

LIHAT MUKA 6

Jangan tanggung atas kejayaan orang lain

UM 4 NOV 1985

Dalam pada itu, katanya, "kejahilan kita dan usaha - usaha yang kita jalankan boleh mudah dikesewakan dengan tindak balas dan dasar orang lain yang berkepentingan diri sendiri."

Katanya, para pengurus yang hanya mengharapkan keadaan yang tidak berubah dalam ertikata sebenarnya tidak boleh dianggap sebagai pengurus kerana hanya melalui liku - liku yang tidak menentu sahajalah kemampuan mereka dapat dilihat dan diuji.

Menurut Perdana Menteri, walaupun keadaan se-

keliling didapati tidak memuaskan, pihak pengurusan mana - mana sektor sekalipun tidak harus mempunyai anggapan yang terlalu pesimistik atau pasif atau cuba mencari jalan keluar dengan memberi pelbagai alasan.

Apakah yang perlu, tambah beliau ialah sikap positif yang semakin tinggi bagi mencari peluang - peluang yang ada untuk menjadikannya kebaikan dan sikap itu menurutnya telah terbukti mendatangkan hasil yang baik.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa se-

seorang pengurus harus mempunyai suatu pemikiran yang sentiasa bergerak, pandangan untuk mencari apa juga peluang yang ada dan komitmen sepenuhnya kepada tanggungjawab tidak kira apa masalah yang perlu dihadapi bagi memperolehi keuntungan yang maksimum.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Malaysia telah memberi sepenuh komitmen kepada usaha - usaha yang boleh membantunya memperoleh pencapaian yang terbaik melalui pelbagai pendekatan dengan mengambil kira masalah masa pelaksanaan dasar - dasar yang lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dalam meneruskan usaha tersebut, beberapa pendekatan yang sebelum ini dianggap tidak boleh disentuh telah dirobah dan diubahsuai bagi melahirkan satu idea yang dipanggil 'persyarikatan' yang merupakan kerjasama erat kerajaan - swasta. Pada masa yang sama menurut Perdana Menteri lahir juga idea kepimpinan melalui tauladan, pemakaian tanda nama, konsep fail meja prosedur kerja dan lain - lain.